



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/8/2013

# TPPA: Benarkah ada Si-Si Kitol dalam MITI?

UM - 21/8/2013

BANYAK kali juga saya membuat liputan persidangan perdagangan antarabangsa yang membabitkan negara kita.

ia membabitkan perbincangan sama ada di peringkat ASEAN hinggalah ke peringkat APEC, PBB sehinggalah ke peringkat Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) -- di zaman Tun Dr. Mahathir dahulu.

Bukan mudah untuk memeterai sesuatu perjanjian itu, kerana ia bukan sahaja membabitkan soal perdagangan itu semata-mata, tetapi akhirnya ia perlu mengambil kira kepada soal keselamatan dan kedaulatan tanah air kita.

Jika percaturan itu membabitkan negara kuasa besar, maka sifatnya lebih berhati-hati lagi, kerana bimbang ia akan menjadi berat sebelah dan merugikan kita.

Ada antara perjanjian mensyaratkan kita "mempertaruhkan" beberapa perkara dasar membabitkan hak-hak di dalam kontrak sosial-DEB.

Sebab itu para perunding -- diplomat dan para ekonomis yang bertaruh untuk mencapai sesuatu persetujuan itu wajib mempunyai ciri-ciri "nasionalisme" dan "cintakan agama, bangsa dan negara" yang tinggi di dalam darah daging mereka.

Kini negara kita sedang bergelumang dengan satu lagi perjanjian perdagangan iaitu dikenali sebagai TPPA atau Perjanjian Perkongsian Transpifik.

Para perunding dalam TPPA banyak melibatkan para "pegawai" dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Tapi benarkah, kononnya ada yang mengatakan para perunding kita kini sudah hilang ciri-ciri "nasionalisme" dan "cintakan agama, bangsa dan negara" di dalam jiwa raga mereka?

Jika itu benar, maka ia amat-amatlah serius.

Ikuti tulisan ini:

Penjajahan AS dan Barat bukan hanya datang dalam bentuk kapal perang dan senjata api.

Kalau ada yang masih ingat, AS sebenarnya sudah berkali-kali mencuba untuk menguasai Selat Melaka. Sebabnya, itulah satu-satunya jalan perdagangan laut yang paling dekat untuk ke Timur Jauh. Semua kuasa besar mengiktiraf hakikat bahawa, sesiapa yang menguasai Selat ini, maka dia akan menguasai ekonomi dunia.

EYE IN THE SKY adalah antara alasan awal yang digunakan AS bagi menguasai Selat Melaka kerana kononnya mahu memastikan keselamatan kapal-kapal dagang daripada serangan lanun. Terbukti kini, masalah lanun di Somalia yang lebih serius.

Inilah kelebihan yang dianugerahkan Allah SWT kepada bumi bertuah Malaysia. Dan ia bukanlah sesuatu perkara yang baru. Negara kita pernah digelar sebagai Suvarnabhumi atau Golden Chersonese yang membawa maksud sebagai Semenanjung Emas.

Memang satu ketika dahulu negara kita kaya dengan emas. Sebab itulah, hampir

Cuit

ZAINI HASSAN  
zaini.hassan@utusan.com.my



seribu-tahun bangsa kita berperang dengan kuasa-kuasa besar dunia untuk mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta ini. Walaupun, beberapa ratus tahun dijajah dan merosot wilayah kuasa, namun Allah SWT masih lagi sayangkan bangsa Melayu dan mengembalikannya amanah turun temurun nenek moyang kita seperti yang ada hari ini.

Sebab itulah penting untuk menjaga dengan sepenuh jiwa raga kita amanah turun-temurun ini. Kita cukup marah dengan apa yang berlaku di Mesir, sehinggalah ada di antara kita menempelak kerajaan sendiri kerana hanya menyimpan aset ketenteraan negara ketika rakyat Mesir dibunuh.

Persoalan untuk mulut yang lancang berkata-kata sedemikian: Apakah kita mahu berperang dengan Mesir yang jauhnya beribu-ribu batu itu?

Dan tidakkah anda semua terfikir apakah impaknya kepada rakyat Malaysia yang sedang belajar dan bekerja di sana jika Kerajaan Mesir sudah merasakan Malaysia memusuhi mereka? Sedangkan rakyat sendiri boleh dibunuh begitu sahaja, apakan pula rakyat asing?

Jadi, bila bercakap biarlah menggunakan akal fikiran yang waras. Kalau sudah mendidih sangat darah hendak mati lawan tentera Mesir, beli sahaja tiket penerbangan ke sana dan terus sahajalah berjuang. Tiada siapa yang tahan. Ada berani? Cukup memang mudah.

Berbalik kembali kepada tajuk dan tujuan artikel ini, sedang para 'syuhada' Malaysia sibuk dan berkira-kira hendak syahid di Mesir, mereka tidak sedar dan mungkin tidak ambil peduli pun yang ada si KITOL sedang "berselok" dengan kuasa asing atau lebih tepatnya AS melalui TPPA ini.

Inilah masalahnya dalam kerajaan ketika ini. Terlalu banyak penasihat yang berkepentingan.

Sesiapa yang kuat membodek bos, selalu datang mengampu ke bilik bos, ajak bos makan, lapor perkembangan atau ada domba, maka orang itulah yang akan diberikan ganjaran.

Biarlah tiada idea bernas atau pencapaian yang dicatatkan, yang penting bos lebih ingatkan dirinya berbanding orang lain. Sebab itulah juga, ada sesetengah agensi kerajaan ini, jika ada misi, kumpulan itu sahajalah yang akan pergi. Seolah-olahnya agensi itu hanya ada tiga ke empat orang pegawai sahaja.

Keimpunan negara terutamanya pihak menteri juga sepatutnya memainkan peranan untuk mengkaji sendiri setiap kertas

## Mencari perpaduan Melayu atau jong pecah yu kenyang...

PRU-13 telah selesai. Perasaan hiba merasuk fikiran orang Melayu. Banyak orang menyangka selepas PRU-12 yang menghanyutkan Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Perak dan Selangor kepada pembangkang dan kehilangan suara dua-pertiga di Parlimen tentulah Melayu insaf dan kembali bertaut menyokong UMNO.

Mereka sokong, tapi nampaknya sokongan membawa rebah lagi. DAP masih berkokok di Pulau Pinang, PKR masih menguasai Selangor dan Kelantan tetap di bawah bulan purnama.

Yang mengejutkan sekali Terengganu, negeri penyuh mengangis, hampir membawa tangisan kepada UMNO yang hanya menang dengan kelebihan satu suara sahaja dalam DUN!

Inilah tuah dan sial yang membeleggu orang Melayu selepas PRU-13.

Jangan salahkan angka 13 yang kononnya membawa sial. Orang Melayu yang salah, Melayu berpecah. Jong pecah yu kenyang.

Melayu seperti Pak Kadok menang sorak tapi kampung halaman tergadai.

Sebenarnya Melayu kena insaf. Perlu muhasabah dan kembali pada ajaran agama untuk membina kekuatan baharu.

Kalau Melayu terus berpecah seperti sekarang jangan salah ibu mengandung kalau PRU-14 Melayu akan hilang kuasa

politik, dan hilang segala-galanya.

Bayangkan Melayu dan Bumiputra yang merupakan golongan majoriti di bumi bertuah ini tiba-tiba menjadi pengemis di bumi sendiri akibat perpecahan di kalangan bangsa sendiri!

Inilah masanya bagi seluruh umat Melayu bersatu. Benam segala perselisihan di masa lampau. Ia sudah menjadi tebu sejarah, dan tidak perlu menjadi penghalang bagi para pemimpin kita kembali bertaut dalam kehangatan ukhuwah Islamiah. Kita bukan maksum. Kita bukan Nabi. Tapi Melayu boleh kembali bersatu dalam ikatan ukhuwah yang kental kalau para pemimpin kita, dan kita sendiri, sanggup buang yang keruh, ambil yang jernih.

Banyak pemimpin yang berjasa di masa lalu yang terpinggir oleh waktu. Kita minta mereka tampil ke muka, kembali bersemuka dan mencari jalan terbaik untuk menyatukan berbagai golongan yang bersengketa sekarang.

Kenanglah jasa dan pengorbanan mereka di masa lalu. Kita minta buah fikiran mereka. Kita buka ruang untuk mereka kembali bersatu untuk memperjuangkan hak kita, agama kita dan negara kita.

Marilah kita jemput tokoh-tokoh veteran Melayu yang berjasa di masa lalu untuk sama-sama merancang memper-

kasai perjuangan kita.

Kita jemput Tun Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah, Tun Daim, Pak Aziz Shamsuddin, Pak Sanusi Joned, Pak Harris Salleh dari Sabah, atau pun dari Pas; Ustaz Harun Din, Ustaz Hadi Awang, Ustaz Nasaruddin Mat Isa, Ustaz Ismail Mina, Dr. Hasan Ali dan lain-lain untuk menyumbangkan buah fikiran bagi memperkukuhkan perpaduan Melayu.

Kita tidak berniat hendak menjatuhkan sesiapa. Kita tidak ada agenda peribadi. Kita bukan Si Kitol dan Raja Mandaliar.

Nawaitu kita ialah untuk membenamkan perselisihan, mencari jalan terbaik dan bijaksana untuk perpaduan Melayu.

Kita yakin kalau Melayu bersatupada biar datang rebut dan taufan, guruh dan halilintar membelah bumi Melayu akan tetap kekal dan berani menentang siapa saja yang cuba menggugat perpaduan mereka.

Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kalau kaum itu sendiri mengubahnya. Jelas nasib bangsa Melayu terletak pada bangsa kita sendiri.

Kita yang membina sejarah gemilang atau kita juga yang menghancurkan masa depan anak cucu kita.

Pilihan terletak pada tangan kita bersama. Pastikan jong belayar deras, yu biar terliur.

cadangan yang disuakan kepada mereka.

Siapa yang berani mempermainkan Tun Mahathir dahulu? Semua keputusan yang dibuat oleh beliau diteliti setiap perincian dan ditentukan timbangan baik buruknya.

Jangan hanya mengharap nasihat daripada kelompok kecil penasihat dan bos-bos besar kementerian sahaja. Berkeungkinan mereka juga berkepentingan dan sedang menunggu laba.

Apabila Menteri MITI, Mustafa Mohamed (Tok Pa) memberikan jaminan sedemikian, adakah beliau tahu yang si KITOL tersebut yang beria-ia terbang ke Peru untuk melobi Malaysia dimasukkan ke TPPA, dan bukannya atas jemputan AS?

Adakah Tok Pa selaku Menteri yang agak senior ingat bahawa TPPA ini sama sahaja seperti EAEC yang pernah dicadangkan oleh Tun Mahathir satu ketika dahulu, tetapi berlainan objektif?

Objektif besar TPPA kini adalah bagi mewujudkan blok ekonomi Asia Timur yang berikhtilaf AS bagi mengekang kuasa ekonomi China.

Adakah Tok Pa juga sedar bahawa TPPA ini akan membunuh semua IKS di negara ini

kerana tidak dapat bersaing dengan standard yang ditetapkan oleh TPPA sendiri?

Tok Pa tidak sedarlah IKS inilah yang banyak menyumbang kepada penjana ekonomi dalam negara di saat suasana ekonomi dunia dan AS yang merudum.

TPPA ini bakal menjadikan semua rakyat Malaysia sebagai konsumen produk mereka kerana tiada siapa lagi yang mampu untuk membangunkan perniagaan sendiri untuk bersaing dengan mereka.

Adakah Tok Pa juga sedar yang kementerian beliau dikuasai oleh si-si KITOL yang memang bencikan DEB?

TPPA ini adalah serampang dua mata untuk menghapuskan DEB apabila peluang perniagaan diliberalisasikan.

Adakah sebuah syarikat yang modalnya RM2 juta mampu bersaing dengan syarikat yang bermodal RM200 juta? Itupun jika mereka masih lagi menggunakan perantaraan ringgit lagi selepas itu.

Apa akan jadi jika DEB tiada Tok Pa?

Sedangkan ketika DEB wujud selama hampir 50 tahun pun Melayu masih tidak dapat menguasai 50 peratus ke ekonomi, boleh bayangkan keadaan jika DEB tiada

langsung?

Itu kalau kita cerita tentang soal ekonomi. Pakatan pembangkang melaukan slogan UBAH. Kenapa slogan mereka tidak berjaya pada PRU-13 lalu? Kerana rakyat masih senang hidup dan mencari rezeki.

Namun apa akan jadi jika para pemiaga hilang mata pencarian dan rakyat Malaysia benar-benar bergantung kepada ihsan ekonomi AS?

Maka jika AS mahu rakyat kita lapar, maka laparlah mereka. Dan jika mereka sering lapar, slogan UBAH itulah akan menjadi matlamat hidup mereka!

Jika dahulu Kerajaan Melayu Melaka tumbang kerana si KITOL membuka pintu kota Melaka kepada Portugis, maka sejarah kini berulang. Kalau Tok Pa tak percaya, carilah si KITOL yang dimaksudkan itu kerana berjaya memasukkan Malaysia ke TPPA.

Sayangnya Tok Pa, seorang pemimpin yang berhati murni, namun mudah diperkotak-katikkan oleh musuh dalam selimut.

Sepututnya Tok Pa merungkaikan anasir liberal dalam MITI yang telah ditanamkan bertahun-tahun oleh penyandangnya dahulu!